

**Pemilihan PKR: Peraih undi perang mulut  
Malaysiakini.com  
October 2, 2010**

Perjalanan pemilihan di dua cabang utama di Selangor - Kelana Jaya dan Hulu Selangor - yang masing-masing mempunyai lebih 5,000 ahli yang layak mengundi, berjalan lancar kecuali beberapa insiden perang mulut antara peraih undi calon yang bertanding.

Proses pemilihan di Kelana Jaya bermula jam 10 pagi, yang menyaksi timbalan pengerusi majlis pimpinan negeri Selangor Syed Shahir Syed Mohamud mempertahankan jawatannya.

Beliau dicabar oleh Abdul Razak Mohamed Jalil. Manakala ADUN Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad, bertanding timbalan ketua cabang. Nik Nazmi berdepan dengan S Vigneswaran.

Proses pemilihan bermula dengan lancar. Bagaimanapun, pada kira jam 12.15 tengahari tadi berlaku sedikit perang mulut antara peraih undi calon-calon yang bertanding.

Bagaimanapun, para petugas bertindak segera untuk mengawal keadaan. Turut kelihatan, calon naib ketua cabang, Keshminder Singh turut menenangkan keadaan.

Para anggota RELA yang turut ditugaskan mengawal perjalanan pemilihan cabang Kelana Jaya, turut membantu mengawal keadaan.

Perang mulut berlaku sekali lagi kira-kira jam 2.15 petang tadi - juga antara peraih undi - tetapi dapat dikawal oleh para petugas. Ahli parlimen Kelana Jaya, Low Gwo Burne turut kelihatan di situ.

Sehingga jam 2.30 petang tadi, dianggarkan 40 peratus daripada 5,900 ahli telah keluar mengundi. Proses pemilihan di Dewan Majlis Perbandaran Subang Jaya, di Seksyen 15 Subang Jaya, akan ditutup jam 4 petang ini.

Sementara itu, di Hulu Selangor pula, proses pemilihan dilaporkan lancar tanpa sebarang insiden yang tidak diinginkan berlaku.

Sehingga jam 2.30 tadi, hampir 50 peratus daripada 7,750 ahli keluar mengundi dalam pemilihan cabang tersebut.

Pemilihan cabang tersebut menyaksikan pertandingan tujuh penjurua bagi jawatan ketua cabang, yang turut ditandingi anggota Majlis Pimpinan Pusat (MPP), Khalid Jaafar.

Begitu juga dengan pemilihan timbalan ketua cabang yang menyaksikan pertembungan, juga tujuh penjurua.

Manakala pertandingan naib ketua membabitkan perebutan sembilan penjurua. Seramai 55 orang lagi bertanding untuk 15 jawatan AJK cabang.